

Hanya 10 peratus usahawan bumiputera masuki pasaran China

1000 1 AUG 2002
KUALA LUMPUR 20 Ogos

Usahawan bumiputera dianggarkan mewakili hanya 10 peratus usahawan tempatan yang memasuki pasaran China meskipun terdapat pasaran produk untuk orang Islam yang amat besar di sana.

Ahli Majlis Dewan Perdagangan Malaysia-China (DPMC), Mew Jin Seng berkata, orang Islam mewakili 20 hingga 50 peratus daripada 1.3 bilion penduduk di negara komunis itu.

"Sebagai contohnya, di Sian, ibu negara wilayah Shanxi, rata-rata penduduknya terdiri dari kalangan yang beragama Islam," kata Mew selepas sidang akhbar sempena Pameran Produk Baru dan Teknologi Tinggi China 2002 anjuran DPMC di sini, hari ini.

Beliau yang juga Naib Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Kuala Lumpur (KLCCI) dan Selangor berkata, pihaknya sedang berusaha mendapatkan sejumlah besar produk yang bercirikan keislaman dari China termasuk ka-ma sempena pa-

meran anjuran KLCCI yang akan diadakan pada November ini.

Usaha itu diharapkan dapat menarik minat lebih ramai usahawan bumiputera untuk menyertai DPMC, sekaligus mendapat manfaat daripada pelbagai aktiviti yang dijalankan termasuk forum dan pameran perdagangan.

Beliau menasihatkan usahawan bumiputera supaya mendampingi bidang perniagaan secara lebih dekat supaya dapat memenuhi harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk melihat usahawan-usahawan berjaya.

Mew berkata kalangan ahli perniagaan Cina bersedia membantu usahawan bumiputera mencapai sasaran yang ingin dicapai dalam sektor itu.

"Usahawan bumiputera perlu banyak bersabar kerana kami sendiri (Cina) mengambil masa hampir seabad untuk berjaya seperti sekarang.

Beliau mencadangkan supaya usahasama antara syarikat bukan bumipute-

ra dan bumiputera diperbanyakkan terutamanya dalam menghadapi persaingan dari China.

Katanya, DPMC juga merancang untuk meluaskan keahlian bumiputera yang kini mewakili tidak sampai 10 syarikat pun daripada lebih kurang 600 ahli DPMC.

MINGGU PELABUR BSKL

Berhenti.
Perhati.
Dan Ketahui.

Bersama BSKL
dan Utusan Malaysia

23 - 29 September, 2002
www.klse.com.my